


## Peniaga diingat patuhi SHMMP Hari Raya, Gawai

2020-05-22T00:30:01+08:00



**PANTAU:** Anggota KPDNHEP Cawangan Sarikei melakukan pemeriksaan SHMMP Hari Raya di salah satu lokasi di bandar Sarikei, semalam.

**SARIKEI:** Peniaga diingat agar mematuhi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa dan Hari Gawai.

Ketua Cawangan Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Sarikei Mohamad Zawawi berkata, peniaga yang menaikkan harga barang untuk mengaut keuntungan tidak munasabah akan dikenakan tindakan tegas.

Menurutnya, tindakan pengeluaran notis boleh diambil terhadap mana-mana peniaga yang ingkar di bawah Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Bagi kesalahan menjual barang harga terkawal melebihi harga maksimum, individu boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000.

"Bagi syarikat pula, mereka boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000 sekiranya didapati bersalah.

"Untuk kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barang harga terkawal, individu boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000, manakala bagi syarikat mereka boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000," ujarnya dalam satu kenyataan media, semalam.

Mohamad berkata, bagi memastikan peniaga mematuhi peraturan, pegawai penguasa KPDNHEP Cawangan Sarikei akan berada di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai membeli-belah.

"Kita akan memberikan tumpuan terhadap pasar awam, pasar tani dan pasar raya untuk menjalankan pemeriksaan dan pemantauan.

"Langkah-langkah ini mencerminkan usaha ber-terusan bagi melindungi pengguna daripada aktiviti mengaut keuntungan berlebihan oleh peniaga-peniaga yang tidak beretika semasa musim perayaan.

"Kita turut meningkatkan pemantauan harga melalui Pegawai Pemantau Harga yang menjalankan pemantauan harga barang ke- perluan asas di seluruh Bahagian Sarikei," jelasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Mohamad berkata sebanyak sembilan jenis barang telah ditentu-kan harga maksimum bagi pelaksanaan SHMMP Hari Raya Puasa dan 11 jenis barang telah ditetapkan bagi SHMMP Hari Gawai.

Berikutnya Hari Raya Puasa dijangka disambut pada 24 Mei, tarikh kuat kuasa skim tersebut adalah dari 20 Mei hingga 3 Jun iaitu selama 15 hari.

"Manakala bagi Hari Gawai akan disambut di Sarawak pada 1 Jun, SHMMP Hari Gawai akan bermula dari 28 Mei hingga 3 Jun iaitu selama tujuh hari.

"Antara barang yang tersenarai bagi SHMMP Hari Raya ialah ayam hidup (RM7.80 sekilo gram), ayam standard (RM9/kg), ayam super (RM9.50/kg), daging lembu import (RM27/kg), telur ayam gred A (RM.39 sebijji), telur ayam gred B (RM0.38 sebijji), telur ayam gred C (RM0.37 sebijji), kelapa biji (RM1.30 bagi harga pemborong) dan kelapa parut (RM5/kg).

"Untuk SHMMP Hari Gawai pula, ayam hidup (RM7.80 sekilo gram), ayam standard (RM9/kg), ayam super (RM9.50/kg), ayam tua hidup (RM7.50/kg), kepak ayam (RM13/kg), telur ayam gred A (RM.39 sebijji), telur ayam gred B (RM0.38 sebijji), telur ayam gred C (RM0.37 sebijji), daging babi perut (RM19.50/kg) dan daging babi iaitu daging serta lemak (RM18.50/kg)," katanya.

Mohamad turut mengingatkan pengguna agar menyuarakan aduan berhubung peniaga yang tidak mematuhi SHMMP kepada kementerian melalui talian hotline di 1-800-886-800 atau portal e-aduan kpdnhep di <http://e-aduan.kpdnhep.gov.my>.

Aduan juga boleh dikemukakan menerusi WhatsApp 019-2794317 atau hadir sendiri di mana-mana pejabat kementerian berhampiran supaya tindakan sewajarnya boleh diambil.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/05/22/peniaga-diingat-patuhi-shmmp-hari-raya-gawai>